

**Presiden: Anwar dapat lima pencalonan
Malaysiakini.com
September 19, 2010**

Ketua umum PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim memperolehi lima pencalonan sehingga ini bagi jawatan presiden PKR hari ini dan sekaligus layak bertanding jawatan tersebut.

Anwar mendapat pencalonan terbaru itu daripada cabang Tasek Gelugor, Pulau Pinang dan Rembau, Negeri Sembilan, dan dua cabang dari Perak - Parit dan Kampur - yang bermesyuarat hari ini.

Semalam ini, cabang PKR Arau, Perlis telah mencalonkan ahli parlimen Permatang Pauh itu untuk bertanding jawatan tersebut.

Sehingga ini, 52 cabang PKR telah selesai bermesyuarat dan 50 daripadanya telah mencalonkan Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail untuk mengekalkan jawatan presiden.

Bagi jawatan timbalan presiden, Tasek Gelugor mencalonkan pengerusi PKR Wilayah Persekutuan, Datuk Zaid Ibrahim.

Dengan ini, penyelarass Pakatan Rakyat itu memperolehi 13 pencalonan setakat ini.

Bagi jawatan naib pula, cabang tersebut mencalonkan Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang, Datuk Dr Mansor Othman; ahli parlimen Padang Serai, N Gobalakrishnan; setiausaha agung PKR, Saifuddin Nasution dan naib presiden Azmin Ali.).

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/143018>